

## PENGANJURAN INUSTEC 2022, MENJAYAKAN MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI APLIKASI NUKLEAR

oleh:

**Azlan Shah Mustafa, Dr. Nurul Nafiqah Itam Sulaiman, Siti Hamizah Samsudin,  
Munira Hasan**

Pusat Penyelidikan Teknologi Nuklear (NUKLEAR), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor.

*International Nuclear Science, Technology and Engineering Conference 2022 (iNuSTEC2022)*, dan *Nuclear Youth Competition 2022 (NYC2022)* telah diadakan pada 25 hingga 27 Oktober 2022 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. Program ini adalah anjuran *Malaysian Nuclear Society (MNS)* dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Teknologi Nuklear (NUKLEAR), Fakulti Sains dan Teknologi (FST), UKM. Majlis pembukaan persidangan telah dirasmikan oleh Dekan FST UKM, YBrs. Prof. ChM. Dr. Ishak Ahmad.



Tetamu kehormat yang hadir ke majlis perasmian pembukaan iNuSTEC2022.

Pada tahun ini, UKM telah dipilih sekali lagi sebagai tuan rumah penganjuran iNuSTEC. Pemilihan UKM sebagai tuan rumah ini secara tidak langsung akan membawa nama UKM ke persada dunia sebagai salah satu universiti yang menawarkan bidang sains nuklear. Persidangan yang bertemakan 'Aplikasi Nuklear untuk Kejayaan Matlamat Pembangunan Lestari (*Nuclear Application for the Success of the Sustainable Development Goals, SDGs*)' ini adalah persidangan antarabangsa yang memberi peluang kepada para penyelidik membentangkan hasil penyelidikan masing-masing untuk dikongsi bersama peserta tempatan dan antarabangsa. Tambahan pula, persidangan ini juga merupakan salah satu platform bagi pertukaran idea dan pengalaman di antara peserta supaya dapat menghasilkan penyelidikan yang lebih berinovasi dan berguna kepada negara. Persidangan ini juga dapat meningkatkan kesedaran betapa pentingnya sains dan teknologi nuklear demi pembangunan dan kemajuan negara Malaysia, khususnya dalam mendukung hasrat menjadikan Malaysia sebagai negara maju.



Dekan FST UKM, Prof ChM. Dr. Ishak Ahmad menerima cenderahati daripada Presiden MNS Dr. Abdul Aziz selepas perasmian iNuSTEC2022.



Para peserta bergambar bersama selepas majlis perasmian iNuSTEC2022.

Sehingga kini, MNS telah berjaya meletakkan iNuSTEC di peringkat antarabangsa apabila program anjurannya telah dihadiri oleh mereka yang terlibat dalam bidang nuklear dari dalam dan luar negara. Justeru, iNuSTEC telah menjadi pentas untuk mengumpulkan individu-individu yang aktif dan mempunyai kepakaran dalam bidang ini bagi mengetengahkan hasil kajian mereka, seterusnya meningkatkan kerjasama yang lebih global dan menyeluruh.



Prof. Faizal Mohamed menyerahkan cenderahati kepada penceramah ucapnama Prof. Shahidan Radiman dari UKM.

Edisi tahun 2022, iNuSTEC telah membuat jaringan dan kerjasama dengan beberapa persatuan sains nuklear dari Jepun, Korea, dan juga Asia *Oceana Neutron Scattering Association* (AONSA). Selain itu, individu dan organisasi penting dalam bidang ini dari luar negara juga telah menyertai persidangan ini, seperti *Tokyo Institute of Technology* (Tokyo Tech), *Seoul National University* (SNU), dan *Pohang University of Science and Technology* (POSTECH).

Mengikuti tradisi persidangan ini, iNuSTEC dijalankan serentak dengan Nuclear Youth Competition, yang mana pertandingan ini memberi peluang kepada generasi muda bagi melibatkan diri dalam pertandingan seperti debat dan pengucapan awam berkaitan isu-isu nuklear. Selain itu, para pelajar mampu menimba pengalaman yang baru dalam mengendalikan program yang bertaraf antarabangsa serta mampu meningkatkan kemahiran insaniah yang ada pada pelajar. Pertandingan ini telah disertai oleh pelajar-pelajar dari enam universiti awam iaitu UKM, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Universiti Putra Malaysia (UPM). Pertandingan besar ini telah dikendalikan dengan jayanya oleh pelajar Kelab Sains Nuklear (KESAN), FST UKM.



Sekitar program debat yang berlangsung sempena NYC2022.



Para pemenang NYC2022.



Pelajar KESAN, FST UKM yang bertugas sepanjang program iNuSTEC 2022.

Persidangan kali ini telah menobatkan tiga orang peserta dari UKM dan Nuklear Malaysia sebagai pemenang terbaik poster. Majlis perasmian penutup persidangan telah disempurnakan oleh Timbalan Dekan FST UKM, Prof. Ts. Dr. Wan Aida Wan Mustapha.



Majlis penutup iNuSTEC2022 disempurnakan oleh Timbalan Dekan FST, Prof Ts Dr Wan Aida Wan Mustapha.



Prof. Ts. Dr. Wan Aida Wan Mustapha bergambar bersama tetamu dan peserta selepas merasmikan majlis penutup iNuSTEC2022.